


# RESET

MENIMBANG KEMBALI  
PARADIGMA  
POLITIK MALAYSIA

SUFLAN SHAMSUDDIN



595

=



# RESET

---

## MENIMBANG KEMBALI PARADIGMA POLITIK MALAYSIA

---

PUSTAKA PERDANA



1008902

SUFLAN SHAMSUDDIN



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

**RESET: Menimbang Kembali Paradigma Politik Malaysia**

Hak cipta © Suflan Shamsuddin, 2011

Semua hak cipta terpelihara.

Kecuali petikan-petikan pendek untuk ulasan-ulasan akhbar, majalah, Internet, radio, atau televisyen, mana-mana bahagian daripada buku ini tidak dibenarkan dikeluarkan semula dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotologi, mekanik, rakaman, atau yang lain-lain sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Terbitan pertama: Julai 2011

Diterbitkan oleh

ZI Publications Sdn. Bhd. 396106-W

B-2-19, Merchant Square,  
Jalan Tropicana Selatan 1,  
PJU 3, 47410 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +603-7885 0021 Faks: +603-7885 0027  
E-mel: [info@zipublications.com.my](mailto:info@zipublications.com.my)  
Laman web: [www.zipublications.com.my](http://www.zipublications.com.my)

**ISBN 978-967-5266-21-8**

Rekabentuk dan rekaletak oleh



[creativetrees.blogspot.com](http://creativetrees.blogspot.com)  
/ [teckhee@gmail.com](mailto:teckhee@gmail.com)

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Suflan Shamsuddin, 1962 -

Reset: menimbang kembali paradigma politik Malaysia / Suflan Shamsuddin.

ISBN 978-967-5266-21-8

1. Malaysia—Politics and government. 2. Malaysia—Social conditions.

I. Judul.320.9595

Dicetak oleh:

Vinlin Press Sdn Bhd  
No 2, Jalan Meranti Permai 1,  
Meranti Permai Industrial Park,  
Batu 15, Jalan Puchong,  
47100 Puchong, Selangor, Malaysia



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Buat kedua ibu-bapa tersayang,  
terimakasih kerana membantu saya memupuk  
anugerah akal daripada Tuhan

Buat anak-anak  
yang masa depan mereka mengilhami buku ini



# Kandungan

Nota Pengarang	vii
Pengenalan	x
<b><u>MELARASKAN PANDANGAN TENTANG KONTRAK SOSIAL</u></b>	
BAB SATU <b>Kenapa Peduli?</b>	3
BAB DUA <b>Konsep Layanan Mesra atau Hospitaliti</b>	7
BAB TIGA <b>Perjuangan Melayu</b>	21
BAB EMPAT <b>Antara Demokrasi dan Hak Istimewa</b>	40
BAB LIMA <b>Prasangka Kaum</b>	54
BAB ENAM <b>Politik Perkauman</b>	59



## KENAPA PERUBAHAN ITU PERLU

BAB TUJUH	
<b>Menuju Arah Yang Sama</b>	76
BAB LAPAN	
<b>Mengekalkan Keseimbangan</b>	81
BAB SEMBILAN	
<b>Memenuhi Prinsip</b>	98
BAB SEPULUH	
<b>Penyakit Sebenar</b>	140

## RESET

BAB SEBELAS	
<b>Cadangan</b>	150
BAB DUA BELAS	
<b>Nilai Dan Harga Reset</b>	171
BAB TIGA BELAS	
<b>Kedewasaan Negara &amp; Bangsa</b>	184
BAB EMPAT BELAS	
<b>Memikirkan Semula Paradigma</b>	192
Penghargaan	208





PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

## Nota Pengarang

Versi bahasa Inggeris *RESET* diterbitkan pada Ogos 2008. Sejak itu, banyak perkembangan politik telah berlaku di Malaysia. Disebabkan rasa kluatir akan lebih banyak perkembangan bakal berlaku, maka usaha dibuat untuk menerbitkan versi bahasa Melayu. Adakah analisis dan diagnosis dalam manuskrip asal saya masih wajar, berdasarkan keadaan dan arah tujuan negara sekarang, atau adakah saya terbukti silap?

Izinkan saya memaparkan beberapa perkembangan penting dalam landskap politik yang telah berlaku sejak versi bahasa Inggeris diterbitkan.

Pakatan Rakyat telah menguatkan peranannya sebagai pembangkang dalam Parlimen. Ia mula menunjukkan kebolehan untuk memerintah, sekurang-kurangnya di peringkat negeri. PR juga mempamerkan keazaman dan keyakinan untuk menawarkan diri sebagai kerajaan pusat pada pilihanraya umum akan datang. Ia juga sudah membincangkan Kerangka Dasar Bersama (Common Policy Framework) dalam Konvensyen Pertama Pakatan Rakyat pada Disember 2009.

Tetapi nampaknya bagi setiap sepuluh langkah ke depan yang diambilnya, Pakatan Rakyat mengambil beberapa langkah kembali ke belakang.

Tidak lama selepas keputusan Pilihanraya Umum 2008, kepimpinan PAS mula menunjukkan minat mengadakan perbincangan perpaduan dengan UMNO. Tidak dinafikan ini telah menggoncangkan teras Pakatan Rakyat dan banyak usaha diperlukan untuk menenangkan rakan-rakan

kongsinya bahawa mereka tidak akan dikhianati. Sejurus selepas itu, DAP mengugut untuk keluar daripada Pakatan Rakyat di Kedah berikutan perobohan kawasan haram ternakan babi di Alor Setar. Kemudian Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang yang dilantik oleh PKR meletak jawatan akibat wujudnya spekulasi prestasi buruk salahguna kuasa. Di Selangor, Pesuruhjaya PAS negeri berkenaan telah menggesa wakil rakyat DAP dilucutkan portfolionya dalam kerajaan tempatan kerana “campur tangan” dalam isu rampasan minuman keras oleh pegawai penguatkuasa di Shah Alam. Beliau juga menyelar Speaker Selangor daripada DAP kerana caranya menyoal pegawai daerah Melayu semasa kes yang dibicarakan di depan awam. Dua ADUN Pakatan telah melompat parti di Perak, sehingga menyebabkan krisis perlembagaan yang berterusan tanpa penyelesaian. Banyak cawangan PKR di Sabah secara terbuka menentang kawalan PKR Pusat dengan melantik ketua *de facto* bagi negeri berkenaan. Seorang lagi Ahli Parlimen PKR secara aktif mengambil bahagian dalam demonstrasi menentang forum Majlis Peguam mengenai Islam dan pertukaran agama. Ahli yang sama ini kemudiannya mengemukakan usul peribadi untuk meminda Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan sebagai usaha menegaskan peranan agama Islam di Malaysia, sehingga menimbulkan kemarahan dan kekeliruan di kalangan rakan-rakannya dalam Pakatan. Dan yang mutakhir, Mursyidul Am PAS melahirkan kemarahannya terhadap beberapa pemimpin PAS yang `bermasalah' kerana terus melayani idea kerjasama dengan UMNO, dan dengan demikian akan menjejaskan keutuhan Pakatan Rakyat.

Sementara itu, di sebelah Barisan Nasional dan UMNO, Pak Lah telah meletak jawatan dan penggantinya Dato' Seri Najib Tun Razak telah memulakan satu siri perubahan radikal dalam dasar kerajaan dan pelaksanaannya, serta dalam bentuk pentadbiran UMNO. Beliau memperkenalkan slogan baru kerajaan, 1Malaysia, yang terbina atas semangat untuk lebih inklusif.

Walaupun semua ini tampak dilihat secara positif oleh rakyat, UMNO dan Barisan Nasional tidaklah bebas dari masalah. Berbagai tuduhan berkenaan rasuah dan salahguna kuasa, sama ada yang berkaitan dengan